



06 NOV, 2022

Malaysia terhindar risiko ditimpa sisa roket China

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Malaysia terhindar risiko ditimpa sisa roket China

Sebahagian besar serpihan jatuh di Lautan Pasifik

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia terselesa dari risiko susulan serpihan daripada penggalak roket Long March 5B milik China yang dilancarkan ke angkasa lepas pada 31 Oktober lalu.

Ini berikutan ia dilaporkan dijangka memasuki ruang udara bumi semalam dan tidak pasti di mana ia akan terhempas.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Azlikamil Napiyah, berkata MOSTI melalui agensi itu telah memantau dengan rapi operasi pelancaran roket China sejak tarikh pelancarannya.

Katanya, pemantauan berterusan terhadap serpihan atau sisa roket yang mengorbit bumi didapati telah memasuki atmosfera bumi jam 5.21 petang kelmarin.

“Sebahagian besar debris (serpihan) berkenaan telah jatuh di Lautan Pasifik.

“Ini bermakna tiada risiko terhadap Malaysia. Alhamdulillah,” katanya.

Sebesar bangunan 10 tingkat
Terdahulu, menurut laporan *DailyMail.com*, pakar berkata seta-



Keratan
akhbar BH,
semalam.

kat kelmarin, lokasi di mana serpihan daripada penggalak roket Long March 5B milik China seberat 21 tan dan sebesar bangunan 10 tingkat itu akan terhempas belum dapat ditentukan.

Justeru, wujud kebimbangan ia akan menimpa kawasan berpenghuni, sekali gus mendorong saintis bertungkus-lumus mem-

buat perangkaan lokasi di mana serpihan itu mungkin jatuh sebelum ia memasuki atmosfera bumi.

Penggalak roket terbabit digunakan bagi membawa modul ketiga dan terakhir Stesen Angkasa Lepas Tiangong.

Secara kasarnya, antara 20 hingga 40 peratus daripada serpihan berkenaan akan sampai ke bumi, tertakluk kepada reka bentuk objek terbabit.

Pentadbir NASA, Bill Nelson, berkata sebelum ini serpihan roket Long March jatuh ke bumi pada Julai lalu dan China juga mengambil pendekatan berdiam diri berhubung perkara itu, yang penting bagi memastikan keselamatan penduduk di bumi.



Roket untuk membawa modul kedua ke stesen angkasa China, Tiangong dilancarkan dari tapak pelancaran Wenchang, selatan China pada 30 Julai 2022. (Foto AFP)



06 NOV, 2022

Malaysia terhindar risiko ditimpa sisa roket China

Berita Harian Ahad, Malaysia

KEMENTERIAN TERAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Page 2 of 2

SUMMARIES

Sebahagian besar serpihan jatuh di Lautan Pasifik

Kuala Lumpur: Malaysia terselamat daripada risiko susulan serpihan daripada penggalak roket Long March 5B milik China yang dilancarkan ke angkasa lepas pada 31 Oktober lalu. Ini berikutan ia dilaporkan dijangka memasuki ruang udara bumi semalam dan tidak pasti di mana ia akan terhempas. Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Azlikamil Napiah, berkata MOSTI melalui agensi itu telah memantau dengan rapi operasi pelancaran roket China sejak tarikh pelancarannya.